



Naib kanselor Unimas, Profesor Dato Zawawi Ismail bertukar memorandum dengan YBhg Datuk Haji Abd Aziz b. Haji Hussain dengan disaksikan oleh Y.B. Tan Sri Datuk Amar Alfred Jabu

CMM dan Unimas tandatangani perjanjian persefahaman

Oleh Norain Baha

Pembangunan sumber manusia akan maju lebih setapak lagi dalam era pembangunan negeri apabila dua buah agensi, iaitu Pusat Pengurusan Moden dan UNIMAS bergabung tenaga untuk menjalinkan satu jalinan perkongsian tenaga dan kepakaran.

Sehubungan itu CMM dan UNIMAS telah menandatangani satu memorandum persefahaman petang semalam sebagai salah satu usaha untuk membantu kerajaan negeri dalam menangani masalah kekurangan kakitangan sumber manusia pada masa akan datang.

Menurut Timbalan Setiusaha Kerajaan negeri yang juga Pengerusi CMM, Datuk Haji Abdul Aziz, perjanjian persefahaman itu adalah salah satu strategi pembangunan sumber manusia di semua peringkat yang membangun dalam menjalankan program yang akan memberi manfaat kepada orang ramai.

Katanya, kerjasama yang rapat antara kerajaan negeri dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) akan memberi satu laluan kemudahan ke arah melicinkan program kerajaan yang memerlukan tenaga-tenaga mahir.

Sehubungan dengan itu, kepakaran IPT amat

diperlukan untuk membantu ke arah usaha meningkatkan mutu perkhidmatan awam dalam mempertingkatkan taraf profesionalisme.

Sementara Naib Canselor UNIMAS, Dato Zawawi Ismail pula menyifatkan MOU ini sebagai salah satu sumbangan UNIMAS dalam usaha menawarkan khidmat kepakaran dan kemahiran dalam usaha mengekalkan daya persaingan Industri.

MOU ini disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Pertanian dan Pembangunan Masyarakat, Tan Sri Datuk Amar Alfred Jabu dan Numpang.